

Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini. Kepada sesiapa yang meminatinya silalah pula menyuntingnya.

Nasihat Luqman Hakim

Kata Luqman al-Hakim kepada anaknya:

1. Hai anakku, aku telah memikul batu dan besi, ku pikul semua yang berat-berat tetapi tak ada yang melebihi beratnya dari memikul jiran yang jahat. Aku telah merasakan semua kepahitan, tetapi tak ada yang melebihi pahitnya menderitakan kepapaan.
2. Hai anakku, janganlah kau mengutus seorang utusan yang jahil. Kalau engkau tidak mendapat seorang yang bijak, engkaulah jadi utusan dirimu sendiri.
3. Hai anakku, jauhkan dirimu dari berdusta, kerana berdusta itu enak rasanya, laksana daging, yang tak berapa lama si pemiliknya mesti menggorengnya.
4. Hai anakku, hadirilah majlis kematian, jangan menghadiri majlis perkahwinan. Kerana orang yang mati itu mengingatkan engkau ke akhirat, sedang majlis perkahwinan itu menggalakkan engkau kepada dunia.
5. Hai anakku, janganlah engkau makan sudah kenyang mahu lagi kenyang, malahan jika engkau buangkan makanan itu kepada anjing, lebih baik bagimu daripada memakannya.
6. Hai anakku, janganlah engkau bersifat manis nanti ditelan orang, dan jangan pula bersifat pahit nanti diletihkannya.

* * *

Balasan Mengumpat

Ada orang menyampaikan berita kepada Hasan Basri demikian: “si polan itu telah mengumpat tuan.”

Maka Hasan Basri pun mengantarkan kepada orang yang mengumpatnya buah rūtṭab (buah kurma yang masak ranum) yang disertakan pula dengan secarik kertas bertulis demikian: “saya dapat khabar bahawa saudara telah menghadihkan kebajikan kepunyaan saudara kepada saya jadinya inginlah saya membalas saudara.”

* * *

Tanda-tanda Kesetiaan

Kata ‘Asma’ī: Saya telah masuki Padang Sahara, lalu menginaplah saya di salah sebuah tempat tinggal orang-orang dusun. Kata saya kepada orang itu: “beritahulah saya (tentang sesuatu).”

Dijawabnya: “Kalau tuan hendakkan tahu akan kesetiaan seseorang, yang menepati janjinya, yang mulia akhlaknya dan lakunya, perhatikanlah akan kerinduannya terhadap tanah tumpah darahnya, akan kerinduannya terhadap sanak saudaranya, dan akan tangisannya meratapi kenangan yang telah lalu.”

* * *

Mempertunjukkan Kebesaran

Pada suatu hari Saiyidina Umar Ibn al-Khattab *radīya Allāhu anhu* sebagai Ketua Negara (khalifah) telah melawat bersama-sama Abdul Rahman bin Auf ke negeri Sham yang menjadi sebahagian tanah jajahannya, dengan mengenderai keldainya.

Kedatangan keduanya telah diberitahukan, kerana itu segeralah Muawiyah - sebagai Pesuruhjaya Jajahan itu - keluar kota dengan membawa bersama-samanya satu rombongan perarakan secara besar-besaran untuk menyambutnya.

Tetapi Muawiyah dalam perjalanannya tidak mengenalinya, sehingga terlepas dan jauh terbabas, akhirnya setelah ada orang memberitahukan ketibaaan Khalifah, berbaliklah perarakan

itu ke belakang dan bertemulah Muawiyah dengan Saiyidina Umar yang segera turun dari tunggangannya untuk menyambutnya.

Saiyidina Umar yang terkenal tidak menyukai kemegahan itu bila melihat sambutan orang yang begitu ramai dan perarakan yang begitu besar, ia pun turun dari keldainya, enggan berarak dengan menunggang, bahkan diajaknya Muawiyah bersama-sama dengannya berjalan kaki menuju ke kota, sehingga Abdul Rahman bin Auf membisikkan kepada Saiyidina Umar: “nampaknya tuan telah memintakan orang itu.”

Kemudian Saiyidina Umar berkata kepada Muawiyah: “engkau sibuk dengan perarakanmu padahal orang-orang yang berhajat banyak menunggu di pintu rumahmu.”

Dijawab oleh Muawiyah: “benar wahai Amir al-Mukminin.” Saiyidina Umar pun bertanya: “mengapa begitu?”

Dijawabnya oleh Muawiyah: “sebenarnya negeri kami ini tidak dapat menyekat penyeludupan mata-mata musuh (pengintip rahsia). Oleh sebab itu mestilah kami tunjukkan kepada mereka kebesaran pemerintahan tuan, dalam pada itu, sekiranya tuan perintahkan supaya saya teruskan saya akan teruskan, dan sekiranya tuan menegah segera saya hentikan.”

Dijawab oleh Saiyidina Umar: “Kalau apa yang engkau katakan itu benar, maka itulah buah fikiran orang yang mahir. Tetapi kalau salah, itu suatu helah orang yang bijak bestari. Jadi saya tidak menyuruh dan tidak pula melarang engkau.”

* * *

Cita-cita Susah Oleh Perjalanan Masa

Kata Gail Franche¹: Orang kalau sudah berumur 18 tahun timbullah fikirannya untuk mencari kebaikan bagi faedah seluruh alam. Bila meningkat 30 tahun dia memikirkan pula bagi faedah tanah airnya. Setelah berumur 40 tahun dia memikirkan daerah negerinya. Bila berumur

¹ Perkataan sebenar tidak dapat dikesan

50 tahun memikirkan kampungnya. Dan bila mencapai umur 60 tahun² dia hanya memikirkan dirinya sendiri.

* * *

Mencium Bau Harta

Zubaidah isteri Harun ar-Rashid mempunyai suatu tasbih yang terkarang dari batu permata delima yang tiap-tiap sebuah sebesar biji kacang. Dia telah membelinya dengan harga 50,000 dinar.

Pada suatu hari telah terjadi perbualan antara kedua suami isteri itu yang menyebutkan tentang ketinggian hemah (semangat) ‘Imārah bin Hamzah dan sifatnya yang amat zuhud (tidak menggemari keindahan dunia).

Maka berkatalah Zubaidah: “Sesungguhnya kaki orang yang tetap itu akan tergelincir juga bila tercium bau harta. Kanda jemputlah ‘Imārah tersebut dan berikanlah kepadanya seutas tasbih kepunyaan adinda ini. Kalau dia mengembalikannya, benarlah dia itu orang yang zuhud.”

Harun al-Rasyid menyetujui, dipanggilnya ‘Imārah, dan duduklah berdua-duaan membincangkan sesuatu urusan, kemudian dihadiahkan kepadanya tasbih tersebut. ‘Imārah menyambutnya dan diletaknya di hadapannya seraya diucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kurniannya. Kemudian manakala ia beredar, ditinggalkannya tasbih itu di tempat ianya terletak.

Bila Zubaidah mengetahui hal ini, dia pun berkata: “ah... dia itu terlupa agaknya. Suruh sahaja khadam menghantarkannya ke rumah!”

Setelah khadam kembali, berkatalah ia: “tuanku! sesungguhnya ‘Imārah telah menghadihkan tasbih ini kepada saya.” Zubaidah pun mengambil balik tasbihnya dengan menggantikannya 1000 dinar kepada khadamnya. Dan tahulah dia bahawa ada juga kaki yang tidak tergelincir oleh baunya harta.

² Perkataan sebenar adalah tahun